

8) RUMAH PERTAMA

Adun : Y.B. Tuan Lwi Kian Keong (Sungai Pelek)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Adakah terdapat inisiatif tambahan untuk membantu golongan muda memiliki rumah pertama di kawasan ini, terutama dengan perkembangan projek Aeroangkasa dan peningkatan penduduk?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited dalam membantu golongan muda memiliki rumah pertama agar setiap rakyat di Selangor mampu memiliki rumah sendiri. Oleh itu, sekiranya pelaksanaan projek Aeroangkasa merangkumi komponen perumahan, keperluan untuk menyediakan perumahan mampu milik iaitu Rumah Selangorku perlu disediakan berdasarkan garis panduan semasa serta syarat pembangunan Rumah Selangorku tersebut. Bagi merealisasikan penyediaan Rumah Selangorku di kawasan luar bandar ini, sudah tentunya melibatkan kerjasama yang utuh di antara pihak Kerajaan Negeri dan pemaju itu sendiri. Oleh itu Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan sekiranya terdapat cadangan pembangunan perumahan mampumilik yang dikemukakan oleh mana-mana anak Syarikat Kerajaan Negeri/pihak pemaju/pemilik tanah di kawasan luar bandar yang melibatkan kos yang tinggi dengan memperkenalkan beberapa Insentif untuk menggalakkan pembinaan Rumah Selangorku.

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Rumah Selangorku merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan golongan muda yang layak ditawarkan rumah mampu milik. Pemohon perlu berdaftar melalui Sistem Pendaftaran Permohonan Hartanah Negeri Selangor di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor. Penawaran kepada pemohon adalah berdasarkan merit tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sekiranya pemohon didapati tidak layak untuk memiliki Rumah Selangorku, sebagai alternatif, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Skim Smart Sewa untuk membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan atau golongan yang belum bersedia memiliki kediaman sendiri supaya dapat menyewa Rumah Selangorku dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran.

Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mengenal pasti projek-projek yang berpotensi di tanah-tanah Kerajaan di kawasan tersebut secara usahasama (JV) antara anak Syarikat Kerajaan Negeri dengan pemaju.